

**MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KE 31**



**PENIAGAWATI**

PERSATUAN WANITA BUMIPUTRA  
DALAM PERNIAGAAN & PROFESYEN MALAYSIA

TARIKH : SELASA, 23 JUN 2015  
MASA : 2.30 PETANG  
TEMPAT : BILIK DELIMA  
HOTEL ISTANA  
73 JALAN RAJA CHULAN  
50200 KUALA LUMPUR

# MESYUARAT AGUNG TAHUNAN PENIAGAWATI KALI KE 31

## KANDUNGAN

<b>Perkara</b>	<b>Muka surat</b>
Perutusan Presiden PENIAGAWATI	3-6
Struktur PENIAGAWATI Malaysia 2014-2015	7-8
Agenda Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke 31	9
Minit Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke 30	10-16
Laporan Tahunan & Diari PENIAGAWATI Malaysia bagi tempoh 2014-2015	17-24
Rangka Dasar Am Aktiviti bagi tahun 2014/2015	25-26
Laporan Penyata Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2014	

## PERUTUSAN PRESIDEN

Bismillahirrahmanirrahim.

*Assalamualaikum Ahli Peniagaawati Yang Dikasih,*

Syukur kepada Allah SWT kerana dengan izin, rahmat dan berkatNya kita akan mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan ke 31 persatuan yang kita sayangi ini pada 23 Jun 2015. Alhamdulillah buat pertama kali, Mesyuarat Agung Tahunan kita akan diadakan di dalam bulan Ramadhan dan saya berdoa agar mesyuarat dan perjuangan kita akan mendapat keberkatan bulan yang mulia ini, in shaa Allah. Sempena dengan bulan Ramadhan, mesyuarat kita akan disusuli dengan tazkirah dan iftar bersama anak-anak yatim dan saya berharap ramai ahli dapat bersama-sama meraikan tetamu-tetamu khas kita.

Kehadiran dalam mesyuarat agung tahunan adalah satu tanggungjawab bagi kita ahli persatuan, lebih-lebih lagi pada tahun ini di mana terdapat pemilihan kepimpinan persatuan yang berlangsung setiap dua tahun. Selain dari itu, kehadiran ahli pada mesyuarat agung tahunan juga mengeratkan silaturrahim antara kita serta memberi kita peluang bertukar pendapat dan berbincang tentang halatuju persatuan. Pertemuan ini juga membolehkan saya dan barisan Ahli Jawatankuasa Peniagaawati melaporkan tentang program dan aktiviti sepanjang tahun semenjak Mesyuarat Agung ke 30.

Tahun ini adalah tahun yang amat bermakna bagi Peniagaawati kerana pada 24 Mac lalu, Peniagaawati genap menjangkau usia 35 tahun setelah ditubuhkan pada 24 Mac 1980. Alhamdulillah, sebagai persatuan usahawan wanita yang tertua di Malaysia, Peniagaawati bukan sahaja dapat bertahan selama 35 tahun tetapi masih bergiat aktif dan berkembang sehingga mencapai prestasi yang dapat kita banggakan. Peniagaawati kini terpacat di dalam minda masyarakat usahawan Malaysia sebagai persatuan yang relevan dan peneraju kepada keusahawanan wanita di Malaysia. Dengan itu, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada semua pemimpin Peniagaawati terutama sekali mantan-mantan Presiden dan Ahli Jawatankuasa serta juga ahli-ahli Peniagaawati yang telah memberi sumbangan dalam apa jua bentuk sekalipun di dalam sejarah kegemilangan Peniagaawati selama 35 tahun semenjak 1980.

Bagi menyambut ulangtahun Peniagaawati ke 35, beberapa program khas telah dan akan diadakan sepanjang tahun 2015. Pada 24 Mac 2015 iaitu hari ulangtahun Peniagaawati, Penigawati telah mengadakan Mesyuarat Pertama "Think Tank" Peniagaawati. Panel "Think Tank" ini telah ditubuhkan sempena sambutan ulangtahun ke 35 Peniagaawati dan dianggotai wakil-wakil dari Kementerian dan agensi yang berkaitan usahawan, usahawan-usahawan berjaya dan ahli-ahli korporat. Ahli-ahli "Think Tank" tersebut adalah Dato' Noraini Ahmad, Pn Salmah Hayati Ghazali, Dato' Normaziah Sheikh Mohammed, Puan Sri Shariffa Nisa Bakri, Dato' Freida Pilus, Datuk Hajjah Zabidah Ismail, Dr Sheikh Ghazali Bin Sheikh Abod, En Muhammad Aziph Mustapha, Dato' Syed Kamarulzaman Bin Dato' Syed Zainol Khodki Shahabudin, En Baharom Embi, Datuk

Dzulkifli Fadzilah, Dato' Husni Salleh, Dato' Yasmin Mahmood, Dato Munirah Abdullah Bajanuddin, Dato' Hafsa Hashim Dan Pn Nadira Yusoff. Ia ditubuhkan bagi mendapatkan kerjasama dan maklumat dari semua pihak bagi menambahbaik strategi dan halatuju Peniagawati dalam melaksanakan dasar dan program berimpak tinggi dengan lebih efektif demi meningkatkan ekonomi usahawan wanita bumiputera ke arah mencapai wawasan 2020.

Mesyuarat tersebut telah disusuli dengan Majlis Pelancaran Panel "Think Tank" Peniagawati dan Sambutan Ulangtahun ke 35 Peniagawati di Bunga Emas, The Royale Chulan Kuala Lumpur pada 24 Mac 2015. Saya amat gembira kerana ramai ahli-ahli lama dan baru serta tetamu-tetamu yang dijemput telah hadir termasuk mantan presiden Peniagawati iaitu Dato' Maznah Hamid, Pn Sri Ashidah Minin dan Dato' Hazimah Zainuddin. Lebih istimewa lagi apabila Penaung Peniagawati iaitu Tan Sri Rafidah Aziz juga telah sudi hadir untuk melancarkan Panel "Think Tank" tersebut dan seterusnya merasmikan sambutan ulangtahun ke 35 Peniagawati ini. Semasa majlis tersebut juga Peniagawati telah menandatangani Memorandum Persefahaman bersama MARA untuk penganjuran program-program bagi meningkatkan kualiti usahawan bumiputera di Malaysia.

Selain dari dua program di atas, Peniagawati telah merancang beberapa lagi program bersempena Ulangtahun Peniagawati ke 35. Antaranya adalah sesi Dialog bersama beberapa tokoh-tokoh terkenal di Malaysia, Majlis Makan Malam Diraja Sempena Sambutan Ulangtahun ke 35 serta Perlawanan Golf Diraja. Ahli-ahli akan dimaklumkan mengenai program-program ini melalui laman web, email serta media sosial. Saya berharap lebih ramai ahli-ahli yang akan melibatkan diri di dalam program-program yang akan diadakan tahun ini.

Semenjak Mesyuarat Agung yang lepas, Peniagawati telah melaksanakan dan terlibat di dalam pelbagai program selaras dengan objektifnya untuk membangun dan membantu usahawan wanita bumiputera memajukan perniagaan dan profesyen masing-masing serta meningkatkan taraf hidup mereka. Program-program ini ada disenaraikan di Diari Peniagawati yang tertera di mukasurat 16.

Antara program yang dijalankan adalah kunjung hormat kepada pemimpin-pemimpin serta wakil kerajaan dan agensi kerajaan untuk berbincang mengenai isu-isu usahawan wanita dan mengusulkan program-program yang bermanfaat untuk pembangunan usahawan wanita. Pada 2 Mac 2015, Peniagawati telah bertemu dengan Menteri Pelancongan dan Kebudayaan iaitu YB Dato' Seri Nazri Aziz. Melalui pertemuan ini, Peniagawati dapat mengusulkan isu-isu yang dihadapi oleh usahawan-usahawan yang terlibat dengan industri pelancongan dan kraf. Selain itu, pada 3 November 2014, Peniagawati telah bertemu dengan Ms Florence Ki, Pengarah Yayasan Inovasi Malaysia, iaitu sebuah yayasan yang mendapat sokongan Kementerian Sains, teknologi dan Inovasi. Saya kagum dengan kisah kejayaan rakyat Malaysia yang sangat kreatif dan inovatif dan berharap lebih ramai usahawan-usahawan wanita yang lebih kreatif dan inovatif bukan sahaja dalam penghasilan produk malah dalam kaedah pemasaran produk dan servis mereka.

Seperti tahun-tahun lepas Peniagawati juga aktif dalam mengadakan forum dan kursus keusahawanan. Pada 25 November 2014, Peniagawati telah mengadakan satu program khas iaitu "Membina Semangat Usahawan Gen Y melalui Filem Tanda Putra". Ini adalah

satu program yang luar biasa dari kebanyakan program yang diadakan yang mana Peniagawati telah mendapat kerjasama dari Penerbit dan Pengarah filem Tanda Putra iaitu Dato' Suhaimi Baba untuk menayangkan filem Tanda Putra kepada usahawan-usahawan terutamanya usahawan Gen Y agar mereka dapat mengambil iktibar dari perjuangan pemimpin-pemimpin negara kita yang terdahulu. Tayangan filem ini disusuli dengan sesi panel bersama Dato' Suhaimi Baba serta dua orang usahawan Gen Y yang berjaya iaitu En Carl Shamsuddin dan Pn Ili Zawani Ismail.

Selain itu, Peniagawati juga telah mengadakan satu siri program baru iaitu "Entrepreneur Extraordinaire Series". Program ini adalah program perkongsian pengalaman dan ilmu secara santai dan telah diadakan sebanyak 2 siri. Sesi pertama siri ini telah diadakan pada 27 November 2014 dengan tajuk "Pn Sri Nisa Bakri "Journey To Harrods"". Pada siri pertama ini, Pn Sri Nisa telah berkongsi pengalaman beliau membawa produk beliau untuk dijual di Harrods, London. Sesi kedua siri ini pula telah diadakan pada 12 Mac 2015 di bawah topik "Celebrity to Entrepreneur with Datin Sharifah Shawati". Datin Sharifah Shawati telah berkongsi pengalaman bagaimana beliau bertukar profession dari seorang selebriti menjadi seorang usahawan. Program ini telah mendapat sambutan baik dari ahli-ahli dan Peniagawati akan mengadakan lebih banyak siri-siri ini dengan perkongsian pengalaman dan ilmu dari lebih ramai usahawan.

Berikutan dari pelaksanaan GST pada 1 April 2015, Peniagawati juga tidak lupa untuk mengadakan satu sesi latihan GST bagi menyiapkan ahli-ahli menghadapi GST. Peniagawati juga peka dengan keperluan usahawan-usahawan kita terhadap bantuan kewangan. Susulan dari pelancaran program pembiayaan khas untuk wanita oleh SME Bank yang dinamakan Women Entrepreneur Financing Program under the Leaders Entrepreneur Acceleration Program (WEP -LEAP), Peniagawati telah menganjurkan satu sesi khas bersama SME Bank supaya ahli-ahli dapat berjumpa dengan pegawai-pegawai SME Bank dan mendapat terus maklumat mengenai program ini dan program-program lain yang ditawarkan oleh SME Bank.

Selain dari program keusahawanan, program-program kebajikan juga adalah sama penting. Sebagaimana tahun-tahun sebelumnya, pada 12 Julai 2014, Peniagawati telah mengadakan Majlis Berbuka Puasa bersama Anak-Anak Yatim yang telah diadakan di Kelab Golf Sultan Abdul Aziz Shah, Shah Alam. Seramai lebih 80 orang anak yatim dari Kampung Pandan dan Rawang telah dijemput ke majlis tersebut dan telah menerima sumbangan duit raya. Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada ahli Peniagawati Dato' Mahiran kerana telah sudi menaja makanan bagi berbuka puasa tersebut. Setinggi-tinggi penghargaan juga kepada Pn Rabimah Desa yang sudi menaja sebuah bas untuk membawa anak-anak yatim pergi ke lokasi majlis. Tidak lupa juga kepada semua ahli-ahli yang menderma duit raya untuk diserahkan kepada anak-anak yatim tersebut.

Sempena sambutan Hari Raya Aidilfitri pula, Peniagawati telah menyumbang kepada sebuah Maahad Tahfiz Raudhatul Ulum di Cheras bagi membantu membeli kelengkapan harian serta barang kelengkapan asrama anak-anak yatim di sana. Penyerahan sumbangan ini telah diadakan pada 23 Ogos 2014.

Peniagawati juga tidak lupa untuk membantu mangsa-mangsa banjir yang telah melanda beberapa negeri di Malaysia. Pada 22 Januari 2015, Peniagawati yang diwakili Pn Nashwah Zainal telah menghantar bantuan wang tunai dan barang-barang

keperluan yang disumbangkan ahli-ahli kepada mangsa-mangsa banjir di Kg Gajah, Perak.


Saya juga ingin menyatakan rasa bangga kerana Peniagawati mendapat kerjasama baik dari pihak media. Beberapa ahli Peniagawati telah mendapat liputan bukan sahaja di media cetak malah di dalam media elektronik. Peniagawati juga sering dijemput untuk memberi ulasan mengenai isu-isu penting seperti pembentangan Bajet dan sebagainya. Ini menunjukkan bahawa Peniagawati sangat relevan dan saya berharap Peniagawati akan dapat meneruskan momentum ini sebagai persatuan usahawan wanita yang premier di Malaysia.

Begitulah sedikit sebanyak program yang telah dilaksanakan dari bulan Jun 2014 sehingga Jun 2015. Saya tidak dapat menghuraikan satu persatu kerana terdapat banyak program dan aktiviti yang telah dianjurkan. Namun, saya sarankan agar ahli sentiasa berhubung dengan sekretariat untuk mengetahui program-program terkini ataupun melayari portal Peniagawati. Di era teknologi ini, terdapat bermacam-macam cara untuk berkomunikasi seperti e-mel, sms, facebook, twitter dan lain-lain yang saya harap akan digunakan oleh ahli untuk berhubung di antara satu sama lain dan menyebarkan maklumat yang positif tentang Peniagawati.

Saya harap dapat bertemu dengan ramai ahli pada Mesyuarat Agung Tahun ini. Seperti yang saya nyatakan sebelum ini, oleh kerana tahun ini adalah tahun pemilihan, diharap ahli-ahli dapat memilih calon yang terbaik untuk memimpin Peniagawati. Saya ambil kesempatan ini untuk memohon maaf bagi pihak Exco dan AJK di bawah saya sekiranya sepanjang saya memimpin Peniagawati dari 2012 sehingga kini ada terdapat mana-mana kekurangan dari saya dan Exco dan AJK.

Akhir kata, saya merakamkan ucapan terima kasih kepada semua ahli, khususnya barisan EXCO dan AJK di atas dedikasi, komitmen dan sumbangan mereka yang berterusan kepada saya dan Peniagawati. Marilah kita bersama-sama menggabungkan tenaga untuk memperjuangkan objektif persatuan kita dalam memartabatkan usahawan wanita Bumiputera di Malaysia.

*Salam Hormat & Wassalam,*



**DATO' AZLIN AHMAD SHAHARBI**



**STRUKTUR PENIAGAWATI MALAYSIA 2014-2015**



**TAN SRI RAFIDAH AZIZ  
PENAUNG**



**DATO' HAZIMAH ZAINUDDIN  
YANG DIPERTUA**



**DATO' AZLIN AHMAD SHAHARBI  
PRESIDEN**



**NORIAH ASHARI  
TIMBALAN PRESIDEN I**



**INTAN MAWAR NI KAMAR UDIN  
SETIAUSAHA KEHORMAT**



**ILI ZAWANI B MAIL  
BENDAHARI KEHORMAT**



**HASNIDA ABD HAMID  
PEN.SETIAUSAHA KEHORMAT**



**NUR FATHANAH HASAN  
PEN.BENDAHARI KEHORMAT**



PENIAGAWATI

**AHLI JAWATANKUASA KERJA  
2015**



NA SHWA HZA INAL



HA FIDZA H GHAZALI



NURULA TIQAH KAMAL



NURA IZA H SHAMSULBA HARIN



NURUL NADIA H A BAS



NURUL A SHIKIN MD NA SIR

Kehadiran

Dato' Azlin Ahmad Shahrabi  
 Puan Noriah Ashari  
 Cik Intan Mawarni Kamarudin  
 Puan Ili Zawani Ismail  
 Puan Hasnida Abdul Hamid  
 Puan Nur Fathanah Hassan  
 Puan Nashwah Zainal  
 Puan Hafidzah Ghazalli  
 Cik Nurul Atiqah Kamal  
 Puan Nadiyah Abas  
 Puan Nurul Ashikin Md Nasir  
 Puan Nuraizah Shamsul Baharin

- Presiden  
 - Timbalan Presiden 1  
 - Setiausaha Kehormat  
 - Bendahari Kehormat  
 - Pen Setiausaha Kehormat  
 - Pen Bendahari Kehormat  
 - Ahli Jawatankuasa  
 - Ahli Jawatankuasa  
 - Ahli Jawatankuasa  
 - Ahli Jawatankuasa  
 - Ahli Jawatankuasa  
 - Ahli Jawatankuasa

Rekod Kehadiran

9/9  
 8/9  
 8/9  
 8/9  
 7/9  
 6/9  
 7/9  
 5/7  
 7/9  
 2/3  
 3/3  
 6/9



## **A G E N D A**

### **MESYUARAT AGUNG TAHUNAN PENIAGAWATI KE 31**

**Tarikh** : SELASA, 23 JUN 2015  
**Masa** : 2.30 PETANG  
**Tempat** : BILIK DELIMA, HOTEL ISTANA  
KUALA LUMPUR

- 1.0 Kata aluan serta Pengumuman Koram oleh Yang DiPertua Peniagawati, YBhg Dato' Hazimah Zainuddin selaku Pengerusi Mesyuarat
- 2.0 Bacaan Doa
- 3.0 Pesanan Pengerusi Mesyuarat
- 4.0 Ucapan Dasar Presiden Peniagawati, YBhg Dato' Azlin Ahmad Shaharbi
- 5.0 Membentang dan Meluluskan Minit Mesyuarat Agung Tahunan Peniagawati ke 30
- 6.0 Membentang Laporan Tahunan Peniagawati bagi Sesi 2014/2015
- 7.0 Membentang dan Meluluskan Laporan & Penyata Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2014
- 8.0 Perlantikan Jawatankuasa Induk bagi tempoh 2015-2017
- 9.0 Perlantikan Juruaudit Dalaman dan Luaran bagi tempoh 2015-2016
- 10.0 Pembentangan Usul (Jika Ada)
- 11.0 Hal-Hal Lain
- 12.0 Penangguhan Mesyuarat

## MINIT MESYUARAT AGUNG TAHUNAN PENIAGAWATI KE 30

TARIKH : **20 Jun 2014**  
MASA : **3.00 petang**  
TEMPAT : **View@Chulan, The Royale Chulan**  
Kuala Lumpur

KEHADIRAN	: <b>Ahli Seumur Hidup (LM)</b>	- 23
	: <b>Ahli Biasa (OM)</b>	- 12
	<b>Jumlah Kehadiran</b>	<b>35 orang</b>

PENGERUSI : **YBhg Dato' Azlin Ahmad Shaharbi**  
(menggantikan Yang Dipertua Peniagawati, Dato' Hazimah Zainuddin seperti yang dinyatakan di dalam Klausula 10 (1) Perlembagaan Peniagawati)

### **AGENDA**

- 1.0 Kata Aluan serta Pesanan Pengerusi Mesyuarat oleh YBhg Dato' Azlin Ahmad Shaharbi
- 2.0 Ucapan Dasar oleh Presiden Peniagawati YBhg Dato' Azlin Ahmad Shaharbi
- 3.0 Pengumuman Koram
- 4.0 Membentang dan Meluluskan Minit Mesyuarat Agung Tahunan Peniagawati ke 30
- 5.0 Membentang Laporan Tahunan Peniagawati bagi Sesi 2013/2014
- 6.0 Membentang dan Meluluskan Laporan & Penyata Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2013
- 7.0 Perlantikan Juruaudit Dalaman bagi tempoh 2014-2015
- 8.0 Perlantikan Juruaudit Luaran bagi tempoh 2014-2015
- 9.0 Hal-Hal Lain
- 10.0 Penangguhan Mesyuarat

BIL	PERKARA	TINDAKAN
<p><b>1.0</b></p> <p>1.1</p> <p>1.2</p> <p>1.3</p> <p>1.4</p>	<p><b><u>Pesanan Pengerusi Mesyuarat</u></b></p> <p>Setiasaha Kehormat memaklumkan bahawa Mesyuarat akan dipengerusikan oleh Presiden Peniagawati menggantikan Yang Dipertua Peniagawati yang tidak dapat hadir ke Mesyuarat Agung Tahunan pada kali ini sebagaimana yang diperuntukkan di dalam Klausa 10 (1) Perlembagaan Peniagawati.</p> <p>Presiden Peniagawati selaku Pengerusi Mesyuarat telah memulakan Mesyuarat Agung Tahunan Peniagawati kali ke 30 pada jam 3.00 petang dan menjemput YBhg Puan Seri Ashidah Minin (LM 0014) untuk bacaan doa.</p> <p>Yang Dipertua mengucapkan terima kasih kepada YBhg Puan Seri dan berharap agar doa yang dibacakan akan dimakbulkan Allah SWT.</p> <p>Seterusnya Pengerusi mengucapkan syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan izin dan berkatNya Mesyuarat ini dapat diadakan pada hari ini. Beliau juga mengucapkan terima kasih kepada barisan ahli jawatankuasa serta semua ahli yang dapat meluangkan masa untuk hadir ke Mesyuarat Agung Tahunan ke 30 pada tahun ini. Beliau berharap kehadiran ahli bukan sahaja untuk menjalankan tanggungjawab sebagai ahli persatuan tetapi juga untuk mengeratkan tali silaturrahim. Beliau juga menyampaikan salam Yang Dipertua, YBhg Dato' Hazimah Zainuddin yang memohon maaf kepada semua ahli kerana tidak dapat mempengerusikan Mesyuarat Agung pada tahun ini.</p>	
<p><b>2.0</b></p> <p>2.1</p> <p>2.2</p> <p>2.3</p> <p>2.4</p>	<p><b><u>Agenda 2: Ucapan Dasar Presiden PENIAGAWATI</u></b></p> <p>Dato' Presiden memulakan ucapan terima kasih kepada semua ahli-ahli yang hadir pada hari ini terutama kepada ahli-ahli yang datang dari jauh iaitu dari Perlis dan Kelantan. Dato' Presiden berharap ahli-ahli di Perlis dan Kelantan dapat lebih aktif dan membangunkan semula Peniagawati di Perlis dan Kelantan.</p> <p>Dato' Presiden memaklumkan bahawa tahun ini tiada pemilihan dan oleh kerana itu bilangan ahli yang hadir adalah sedikit berbanding tahun pemilihan. Pada tahun lepas Walau bagaimanapun, korum mesyuarat adalah mencukupi untuk menjalankan mesyuarat pada hari ini.</p> <p>Sidang mesyuarat telah dimaklumkan mengenai pelbagai program yang telah dijalankan sepanjang Jun 2013 - Jun 2014 seperti yang dapat dibaca oleh ahli. Ahli-ahli yang hadir pada mesyuarat agung tahun lepas telah melalui proses pengundian untuk memilih barisan ahli jawatankuasa yang baru. Walaubagaimanapun, semua Exco/AJK telah memenangi semua jawatan tanpa bertanding kerana tiada pencalonan lain telah diterima oleh Sekretariat.</p> <p>Sidang mesyuarat dijemput untuk melihat tayangan slaid program-program Peniagawati yang lepas. Dato' Presiden memaklumkan bahawa Majlis Ramah Mesra Syawal bersama YBhg Datin Paduka Seri Rosmah Mansor telah diadakan pada Hari Raya yang lepas dan telah berjaya mengumpulkan 12 persatuan usahawan wanita. Majlis ini juga disertai oleh Kementerian, agensi kerajaan dan ahli-ahli Peniagawati. Pada majlis tersebut juga telah YBhg Datin Paduka Rosmah Mansor telah sudi menyampaikan duit raya kepada anak-anak yatim bagi pihak Peniagawati.</p>	

BIL	PERKARA	TINDAKAN
2.5	Sidang mesyuarat seterusnya dimaklumkan mengenai program kunjung hormat kepada beberapa kementerian dan agensi kerajaan. Peniagawati telah dijemput untuk bertemu dengan Menteri di Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), YB Dato' Rohani Abdul Karim di pejabat beliau di Putrajaya pada 21 Ogos 2013. Peniagawati telah berbincang bagaimana Peniagawati dapat bekerjasama dengan KPWKM dalam membangunkan wanita bumiputera.	
2.6	Program kunjung hormat ini telah diteruskan dengan kunjungan kepada YB Dato' Noraini Ahmad, Pengerusi MATRADE pada 12 Mac 2014. Melalui pertemuan ini Peniagawati meminta agar Matrade dapat membantu ahli-ahli yang ingin mencari peluang meluaskan perniagaan ke peringkat global.	
2.7	Seterusnya mesyuarat dimaklumkan mengenai kunjung hormat kepada Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri iaitu YBhg Dato' Rebecca di pejabat beliau pada 11 April 2014.	
2.8	Dato' Presiden memaklumkan sidang mesyuarat bahawa berikutan ramai ahli-ahli baru yang telah mendaftar dengan Peniagawati, Peniagawati telah mengadakan majlis suai kenal bersama ahli-ahli baru ini. Program ini telah diadakan sebanyak 3 kali dan ahli-ahli baru telah dijemput untuk ke rumah Peniagawati untuk berkenal-kenalan dengan EXCO dan Ahli Jawatankuasa Peniagawati. Program suaikenal ini juga telah diadakan di Kelantan pada 10 Mei 2014 yang mana-mana ahli-ahli Kelantan yang baru dan yang lama telah berkumpul untuk bertemu Presiden serta Exco dan Ahli Jawatankuasa yang hadir.	
2.9	Sidang mesyuarat seterusnya dimaklumkan mengenai Majlis Minum Petang bersama Ahli sempena sambutan Ulangtahun Peniagawati yang ke 34. Majlis ini telah dihadiri oleh ramai ahli baru dan lama termasuk mantan Yang Dipertua, YBhg Dato' Rahmah Abdul Hamid, Ybgh Datin Rohiza Rejab, Puan Mariam Tun Sulaiman, serta mantan-mantan presiden seperti Ybgh Dato' Maznah Hamid, Dato' Mohaiyani Shamsuddin dan YBhg Dato' Hazimah Zainuddin.	
2.10	Dato' Presiden juga memaklumkan mengenai program latihan keusahawanan di bawah Program Pencegahan Jenayah: SEKATA (Keselamatan Keluarga Tanggungjawab Kita) yang telah diadakan di Hotel Sri Malaysia, Air Keroh Melaka selama 5 hari. Program ini diharapkan dapat mengekang masalah jenayah, sosial dan kemiskinan yang dihadapi oleh masyarakat kita. Program ini diadakan dengan kerjasama KPWKM yang telah menyediakan dana untuk penganjuran program ini.	
2.11	Sidang mesyuarat juga dimaklumkan mengenai perkembangan AlamKu (Pusat Perkhidmatan dan Penjagaan Kanak-Kanak Berintegrasi Kulim) yang terletak di Kulim, Kedah. Peniagawati telah menguruskan Pusat ini selama 4 tahun dan akhirnya menyerahkan pengurusan kepada Majlis Perbandaran Kulim selepas kontrak Peniagawati bersama Pihak Berkuasa Koridor Utara tamat.	
2.12	Di bawah biro latihan dan keusahawanan juga, program bari telah diperkenalkan iaitu Chat & Connect. Ia merupakan satu program santai bersama ahli dan diadakan di Rumah Peniagawati. Sesi pertama telah membincangkan topik Harta Pusaka dan sesi kedua pula adalah mengenai "Golf as a Networking Tool". Dato' Presiden berharap lebih banyak sesi akan diadakan selepas ini untuk ahli-ahli.	

BIL	PERKARA	TINDAKAN
2.13	Sidang mesyuarat kemudian dimaklumkan mengenai program bersama dengan anak-anak yatim yang telah diadakan sebanyak dua kali. Pada tahun lepas Peniagawati telah berjaya mengumpulkan jumlah terbesar duit raya setakat ini dan pembahagian duit raya telah diagihkan semasa Majlis Ramah Mesra dan bakinya telah digunakan untuk membeli perkakasan persekolahan.	
2.14	Dato' Presiden juga memaklumkan mengenai Program Bowling Tourney 2014 yang telah diadakan di U Bowl One Utama pada 26 Januari 2014. Selain ahli-ahli, perlawanan bowling ini juga telah disertai SMECorp, WENA dan Pusat Pungutan Zakat Wilayah Persekutuan. Dato' Presiden memaklumkan bahawa Peniagawati telah menjadi juara di dalam perlawanan bowling ini.	
2.15	Sidang mesyuarat juga dimaklumkan bahawa selain program-program anjuran Peniagawati, Peniagawati telah dijemput bekerjasama oleh organisasi korporat untuk menganjurkan lebih 10 simposium dan forum antarabangsa sebagai rakankongsi strategik. Ini menunjukkan bahawa Peniagawati sangat relevan sehingga banyak pihak yang ingin bekerjasama dengan Peniagawati. Antara program kerjasama tersebut adalah Women Extraordinaire Forum, Public Sector Women In Leadership Forum, Cranfield Masterclass dan lain-lain lagi.	
2.16	Dato' Presiden juga memaklumkan bahawa Peniagawati telah menerima kunjungan daripada beberapa pihak yang ingin bekerjasama dengan Peniagawati seperti Trade Attache Kedutaan Indonesia dan Malaysian Italian Chamber of Commerce and Industry.	
2.17	Sidang mesyuarat seterusnya dimaklumkan mengenai penyertaan beberapa ahli Peniagawati menyertai delegasi Malaysia ke persidangan antarabangsa 'Global Summit for Women (GSW) 2014' pada 3 Jun – 5 Jun 2014 di Paris baru-baru ini. Dato' Presiden memaklumkan bahawa persidangan GSW 2015 akan diadakan di Brazil. Beliau berharap ahli Peniagawati akan mengambil peluang ini untuk menghadiri persidangan tersebut.	
2.18	Dato' Presiden juga memaklumkan bahawa beliau dan beberapa Exco/Ahlijawatankuasa Peniagawati telah menyertai delegasi di bawah SMECorp ke House Of Lords London dan juga ke Qatari International Businesswomen Forum.	
2.19	Akhir kata, Dato' Presiden mengharapkan sokongan dan kerjasama daripada ahli-ahli untuk menjayakan program-program anjuran Peniagawati. Ahli-ahli boleh menghantar cadangan atau komen melalui emel untuk tujuan penambahbaikan program Peniagawati. Dato' Presiden juga mengucapkan terima kasih kepada Exco dan Ahlijawatankuasa yang telah bekerja keras untuk memastikan program-program akan diadakan dengan jayanya.	

BIL	PERKARA	TINDAKAN
3.0	<p><b><u>Pengumuman Koram</u></b></p> <p>Pengerusi memaklumkan kepada sidang mesyuarat bahawa ahli yang hadir memenuhi koram adalah seperti berikut:</p> <p style="margin-left: 40px;">Ahli Seumur Hidup : 23 orang  Ahli Biasa : 12 orang  <u>35 orang</u></p>	
4.0	<p><b><u>Membentang dan Mengesahkan Minit Mesyuarat Agung Tahunan Kali ke 29</u></b></p> <p>4.1 Cik Intan Mawarni Kamarudin selaku Setiausaha Kehormat membentangkan Minit Mesyuarat Agung Tahunan Kali ke 30 bagi tahun 2013-2014 seperti yang terdapat di muka surat 9 - 14. Cadangan menerima dan mengesahkan Minit Mesyuarat Agung Tahunan Kali ke 30 dibuat oleh Puan Haziah@Haniza Abdul Wahab (LM 0094) dan disokong oleh Pn Sri Ashidah Minin (LM 0014).</p>	
5.0	<p><b><u>Membentang Laporan Tahunan Bagi Tahun 2013-2014</u></b></p> <p>5.1 Cik Intan Mawarni Kamarudin selaku Setiausaha Kehormat sekali lagi membentangkan Laporan Tahunan bagi sesi 2013-2014 seperti yang terdapat di muka surat 15 – 26.</p>	
6.0	<p><b><u>Membentang dan Menerima Laporan dan Penyata Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2013</u></b></p> <p>6.1 Puan Ili Zawani Ismail selaku Bendahari Kehormat membentangkan Laporan dan Penyata Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2014 seperti di muka surat 27.</p> <p>6.2 Puan Latifah Ghazali (LM 0139) mencadangkan Laporan Penyata Kewangan tersebut diterima dan cadangan itu disokong oleh Puan Ros Hafizah Hamzah (LM 0274).</p>	
7.0	<p><b><u>Perlantikan Juruaudit Dalaman bagi tempoh 2014-2015</u></b></p> <p>7.1 Pengerusi membacakan Fasal 12 dari Perlembagaan yang menyatakan seorang pemeriksa kira-kira dalaman hendaklah dilantik setiap tahun.</p> <p>7.2 Datin Rohiza Mat Rejab (LM 0269) mencadangkan Puan Rohana Shariff (LM 0265) sebagai pemeriksa kira-kira bagi tempoh 2014-2015 dan disokong sebulat suara oleh sidang mesyuarat. Puan Rohana Shariff (LM 0265) menerima perlantikan tersebut.</p>	

BIL	PERKARA	TINDAKAN
8.0	<p><b>Perlantikan Juruaudit Luaran bagi tempoh 2014-2015</b></p> <p>8.1 Puan Ili Zawani Ismail (LM 0929) mencadangkan MNZ Waj dilantik semula sebagai Juruaudit Luaran bagi tempoh 2014-2015 dan disokong sebulat suara oleh sidang mesyuarat.</p>	
9.0	<p><b>Membentang dan Meluluskan Usul-Usul</b></p> <p>9.1 Pengerusi memaklumkan bahawa Setiausaha Kehormat hanya menerima satu usul daripada ahli sehingga tarikh tutup pada hari Jumaat, 13 Jun 2014. Usul yang dicadangkan adalah dari Pn Norsilah Ishak (LM 1204) untuk mengadakan program teambuilding untuk ahli-ahli Peniagawati. Walaubagaimanapun Pn Norsilah Ishak tidak hadir pada hari ini. Sidang mesyuarat dimaklumkan bahawa usul yang dibawa ini adalah berkaitan pelaksanaan program Peniagawati dan akan dibincangkan diperingkat mesyuarat Exco dan Ahli Jawatankuasa.</p>	
10.0	<p><b><u>Hal-Hal Lain</u></b></p> <p>10.1 Pengerusi membuka peluang kepada ahli-ahli untuk mengemukakan sebarang hal-hal lain untuk dibincangkan.</p> <p>10.2 Pengerusi memulakan agenda dengan mengumumkan mengenai Program Berbuka Puasa bersama anak-anak yatim yang akan diadakan pada 12 dan 13 Julai 2014 di Rumah Peniagawati. Ahli-ahli yang ingin menyumbang duit raya, boleh hubungi Peniagawati. Ahli-ahli juga dijemput untuk berbuka puasa bersama anak-anak yatim pada tarikh-tarikh tersebut.</p> <p>10.3 Pengerusi juga mengumumkan mengenai program Umrah Peniagawati. Walaubagaimanapun ahli diingatkan mengenai isu mahram bagi ahli-ahli yang belum berkahwin atau berumur di bawah 45 tahun. Sekiranya ada ahli-ahli yang berminat boleh menghubungi Peniagawati.</p> <p>10.4 Pengerusi juga mengingatkan ahli untuk memeriksa email dan laman facebook Peniagawati untuk mengetahui program-program terkini.</p> <p>10.5 Dato' Freida Pilus (LM 1015) mengajukan isu mengenai usahawan wanita yang tidak banyak melakukan aktiviti untuk meluaskan jaringan niaga berbanding orang lelaki. Dato' Freida mencadangkan agar semua ahli-ahli dihubungkan di bawah satu platform atau sistem yang mana semua ahli boleh berhubung antara satu sama lain seperti facebook tetapi diterhadkan untuk ahli-ahli. Melalui platform ini Peniagawati dapat memaklumkan aktiviti terkini dan ahli-ahli juga dapat berkongsi mengenai diri mereka. Dato' Freida akan membentangkan idea ini kepada Presiden dan Exco untuk dipertimbangkan.</p> <p>10.6 Puan Rozihaslina Saarey (OM 1195) mengajukan isu mengenai usahawan-usahawan yang memerlukan pimpinan dan didikan. Pengerusi mengalu-alukan Puan Rozihaslina untuk membawa mana-mana usahawan yang memerlukan bimbingan untuk menyertai Peniagawati dan mungkin Peniagawati boleh membantu usahawan-usahawan ini. Puan Rozihaslina juga ingin membawa Peniagawati dalam media dan cadangan ini disokong oleh sidang mesyuarat.</p>	

10.7	Puan Haziah@Haniza Abdul Wahab (LM 0094) mencadangkan agar satu grup diadakan whatsapp untuk ahli-ahli. Pengerusi memaklumkan isu yang mungkin timbul adalah mungkin terlalu ramai ahli-ahli untuk dimasukkan di dalam grup tersebut dan maklumat yang disalurkan tidak boleh dikawal. Walaubagaimanapun Exco/AJK akan memikirkan cara untuk memastikan maklumat sampai pada ahli-ahli.	
10.8	Beberapa ahli baru telah memperkenalkan diri seperti Puan Shahera@Suhaila Shamsuddin (OM 1203), Puan Elis Suhaili Abd Rahman (OM 1179)	
10.9	Puan Noriah Ashari (LM 0218) juga telah berkongsi sedikit pengalaman mengenai perniagaan beliau.	
10.10	Puan Ili Zawani Ismail (LM 0929) memaklumkan mengenai beberapa pakej istimewa di bawah SME Bank untuk wanita. Sesiapa ahli yang ingin turut serta dalam taklimat ini, boleh hubungi Peniagawati atau menghubungi terus Puan Ili Zawani.	
10.11	Pengerusi memaklumkan mengenai borang survey yang telah diedarkan. Pengerusi meminta agar semua untuk mengisi borang dan menghantar kepada Puan Nashwah Zainal.	
<b>11.0</b>	<b><u>Penangguhan Mesyuarat</u></b>	
11.1	Pengerusi mengucapkan terima kasih kepada semua ahli yang hadir dan memberi kerjasama yang baik sepanjang perjalanan mesyuarat dan memohon maaf sekiranya terdapat kesilapan atau tersalah tutur kata semasa beliau menjalankan tugas sebagai Pengerusi mesyuarat. Pengerusi mengakhiri mesyuarat dengan Surah Al-Asr dan berharap akan bertemu lagi pada Mesyuarat Agung Tahunan ke 31 tahun hadapan. InsyaAllah.	
11.2	Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke 30 ditangguhkan pada jam 5.00 petang.	

Disediakan oleh:

Disemak oleh:

.....  
**INTAN MAWARNI KAMARUDIN**  
**SHAHARBI**  
Setiausaha Kehormat

.....  
**DATO' AZLIN AHMAD**  
Presiden



## AKTIVITI & DIARI PENIAGAWATI MALAYSIA 2014-2015

BIL	PROGRAM & AKTIVITI	TARIKH PROGRAM	ANJURAN
1	Mesyuarat Agung Tahunan ke 30 Global Summit for Women di Paris.	4-7 Jun 2014	
2	Mesyuarat Agung Tahunan Peniagawati ke 30 di The Royale Chulan Hotel, Kuala Lumpur.	20 Jun 2014	PENIAGAWATI
3	Majlis Berbuka Puasa Nur Qaseh Ramadhan di Kuala Lumpur Convention Centre.	8 Julai 2014	Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat (KPWKM)
4	Majlis Berbuka Puasa Peniagawati bersama Anak-anak Yatim telah di Kelab Golf Sultan Abdul Aziz Shah, Shah Alam.	12 Julai 2014	PENIAGAWATI
5	Mesyuarat EXCO/AJK (#1) di Rumah Peniagawati, Kuala Lumpur.	18 Julai 2014	PENIAGAWATI
6	Program "The 21 <sup>st</sup> Century Women – Work, Life & Leisure 2014" di Auto Bavaria Sg Besi.	19 Julai 2014	NAWEM
7	Mesyuarat 'Focus Group' Penyediaan Bajet 2015 di Kementerian Kewangan.	21 Julai 2014	MOF
8	Sesi Perkongsian Maklumat dan Dialog bersama Presiden-Presiden Persatuan Usahawan Wanita di SME Corp.	22 Julai 2014	SME Corp
9	Majlis Jalinan Kasih Aidilfitri di Connexion@Nexus, Bangsar South City.	11 Ogos 2014	KPWKM
10	"1 <sup>st</sup> MyWIN Innovation Lab" anjuran MYWIN di INTAN Bukit Kiara.	12 Ogos 2014	MyWIN
11	Mesyuarat Inisiatif Baru Agenda Wanita Jabatan Pembangunan Wanita (JPW), KPWKM di KPWKM Putrajaya	12 Ogos 2014	JPW & KPWKM

<b>BIL</b>	<b>PROGRAM &amp; AKTIVITI</b>	<b>TARIKH PROGRAM</b>	<b>ANJURAN</b>
12	Sesi Dialog bersama YB Menteri Perdagangan Antarabangsa & Industri (MITI) di Menara Usahawan, Putrajaya.	18 Ogos 2014	MITI
13	Majlis Hari Raya Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM) di PWTC Kuala Lumpur.	18 Ogos 2014	DPMM
14	Majlis Hari Raya Aidilfitri YABhg Datin Paduka Seri Rosmah Mansor di Sri Perdana, Putrajaya.	20 Ogos 2014	Pejabat Perdana Menteri
15	Taklimat Pre Departure Islamic Fashion Festival (IFF) ke Padang di SME Corp.	21 Ogos 2014	SME Corp
16	Mesyuarat EXCO/AJK (#1) di Rumah Peniagaawati, Kuala Lumpur.	23 Ogos 2014	PENIAGAWATI
17	Penyampaian duit raya dan sumbangan kepada anak-anak yatim di Maahad Tahfiz Raudhatul Ulum, Cheras.	23 Ogos 2014	PENIAGAWATI
18	Rombongan Islamic Fashion Festival (IFF) diketuai oleh YBhg Datin Paduka Seri Rosmah Mansor ke Padang, Indonesia.	24 Ogos 2014	SME Corp
19	Sesi Brainstorming Peniagaawati di Hotel Istana Kuala Lumpur.	3 September 2014	PENIAGAWATI
20	Karnival Usahawan Kelantan.	11 September 2014	Pejabat Dato' Sri Shahrizat
21	Sidang Kemuncak Wanita 2014 di The Royale Chulan Hotel Kuala Lumpur.	15 September 2014	KPWKM

<b>BIL</b>	<b>PROGRAM &amp; AKTIVITI</b>	<b>TARIKH PROGRAM</b>	<b>ANJURAN</b>
22	Siri Forum Bicara BH Pelengkap Agenda Pembangunan Bumiputera RMK-10 di Le Meridian, Kuala Lumpur.	23 September 2014	Berita Harian
23	Program Konsolidasi Kuasa Membeli Wanita di Hotel Grand Seasons Kuala Lumpur.	23 September 2014	GABEM
24	Mesyuarat Majlis Perundingan Melayu di Menara Usahawan, Putrajaya.	26 September 2014	MPM
25	Program Inspirasi Wanita Perak di Hotel Riverfront Kinta, Ipoh Perak.	30 September 2014	MARA
26	Bual bicara Radio Traxx FM bersama Presiden Peniagawati.	9 Oktober 2014	Traxx FM
27	Wawancara Wanita Hari Ini di TV3 bersama Presiden dan Timbalan Bendahari Peniagawati.	10 Oktober 2014	TV3
28	Perasmian Program <i>Inspirational Women Convention</i> oleh Presiden Peniagawati di Universiti Malaya.	11 Oktober 2014	UM
29	Latihan GST di HDC, First Avenue, Petaling Jaya, Selangor.	14 Oktober 2014	PENIAGAWATI
30	Mesyuarat EXCO/AJK (#3) di Rumah Timbalan Presiden II, Kuala Lumpur.	18 Oktober 2014	PENIAGAWATI
31	Ceramah oleh Presiden Peniagawati di Seminar Perniagaan dan Keusahawanan Giatmara Wilayah Persekutuan.	27 Oktober 2014	GIATMARA
32	Perbincangan isu-isu keusahawanan di Program BELLA, NTV7 bersama Presiden Peniagawati.	21 Oktober 2014	NTV7

<b>BIL</b>	<b>PROGRAM &amp; AKTIVITI</b>	<b>TARIKH PROGRAM</b>	<b>ANJURAN</b>
33	Perbincangan di Program NATION TODAY BERNAMA TV bersama Presiden Peniagawati.	22 Oktober 2014	BERNAMA
34	Women Extraordinaire Forum 2014 di Sime Darby Convention Centre.	28 & 29 Oktober 2014	WEF
35	Perbincangan di Program NATION TODAY BERNAMA TV bersama Presiden, Setiausaha Kehormat dan Penolong Setiausaha Kehormat Peniagawati.	30 Oktober 2014	BERNAMA
36	Mesyuarat bersama Ms. Florence Ki, Pengarah Yayasan Inovasi Malaysia di Rumah Peniagawati	3 November 2014	PENIAGAWATI
37	Temuramah oleh Majalah Nur bersama Presiden Peniagawati di Rumah Peniagawati	7 November 2014	MAJALAH NUR
38	Perbincangan di Program NATION TODAY BERNAMA TV bersama Timbalan Presiden I, Timbalan Presiden II dan Bendahari Kehormat Peniagawati.	12 November 2014	BERNAMA
39	Mesyuarat EXCO/AJK (#4) di Rumah Peniagawati, Kuala Lumpur.	15 November 2014	PENIAGAWATI
40	WIL Economic Forum di Hotel Meydan Dubai.	19&20 November 2014	NASEBA/ PENIAGAWATI
41	Program "Membina Semangat Usahawan Gen Y Melalui Filem Tanda Putra".	25 November 2014	PENIAGAWATI
42	Entrepreneur Extraordinaire Series (#1) bertajuk Puan Sri Nisa Bakri "Journey to Harrods" di Best Western Premier Central 2.	27 November 2014	PENIAGAWATI
43	Minum petang bersama Tan Sri Rafidah Aziz di kediaman beliau.	6 Disember 2014	PENIAGAWATI

<b>BIL</b>	<b>PROGRAM &amp; AKTIVITI</b>	<b>TARIKH PROGRAM</b>	<b>ANJURAN</b>
44	Mesyuarat EXCO/AJK (#5) di Rumah Peniagaawati, Kuala Lumpur.	13 Disember 2014	PENIAGAWATI
45	'ASEAN Business Advisory Council' di hadiri oleh Presiden Peniagaawati.	15 Disember 2014	ABAC
46	'2 <sup>nd</sup> Conversation Series: Unleashing the Creative Energy' di Dewan Mahkota, SME Corp.	16 Disember 2014	SME Corp
47	Mesyuarat Majlis MTEM Bil (#1) di Dewan Perniagaan Melayu Malaysia.	6 Januari 2015	MTEM
48	Mesyuarat EXCO/AJK (#6) di Rumah Peniagaawati, Kuala Lumpur.	17 Januari 2015	PENIAGAWATI
49	Temubual oleh Nona bersama Presiden Peniagaawati di Rumah Peniagaawati	21 Januari 2015	NONA
50	Majlis Suai Kenal ahli-ahli baru di Rumah Peniagaawati.	22 Januari 2015	PENIAGAWATI
51	Mesyuarat EXCO/AJK (#7) di Rumah Peniagaawati, Kuala Lumpur.	13 Februari 2015	PENIAGAWATI
52	Perbincangan bersama YB Dato Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz, Menteri Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia di Pejabat Menteri.	2 Mac 2015	PENIAGAWATI
53	Global Mentoring Walk di INTAN Bukit Kiara.	8 Mac 2015	MyWIN
54	Entrepreneur Extraordinaire Series (#2) bertajuk Celebrity to Entrepreneur bersama Datin Sharifah Shawati di Ramada Plaza Dua Sentral.	12 Mac 2015	PENIAGAWATI

<b>BIL</b>	<b>PROGRAM &amp; AKTIVITI</b>	<b>TARIKH PROGRAM</b>	<b>ANJURAN</b>
55	Persidangan Kepimpinan Wanita (#5) di Istana Hotel, KL.	19 Mac 2015	COMFORI
56	Kunjungan dari Sudan ke Rumah Peniagawati.	20 Mac 2015	PENIAGAWATI
57	Mesyuarat Pertama "Think Tank" dan Majlis Pelancaran "Think Tank" Peniagawati di The Royal Chulan Hotel, Kuala Lumpur.	24 Mac 2015	PENIAGAWATI
58	Sambutan Ulangtahun ke 35 Peniagawati di The Royal Chulan Hotel, Kuala Lumpur.	24 Mac 2015	PENIAGAWATI
59	Forum Keusahawanan Malaysia 2015 (FOKEM) bertempat di Matrade KL di mana Yang Di Pertua dan Presiden Peniagawati adalah Moderator.	26 Mac 2015	MITI
60	Program suai kenal bersama ahli baru Peniagawati di Rumah Peniagawati.	27 Mac 2015	PENIAGAWATI
61	Mesyuarat MTEM bertempat di Dewan Perniagaan Melayu Malaysia.	31 Mac 2015	MTEM
62	Program BIZ Talk di Hotel Istana.	2 April 2015	SME Bank
63	Mesyuarat Panel Bumiputera dalam Perniagaan di SME Corp.	8 April 2015	SME Corp
64	Program Engagement & BIZ Talk untuk ahli Peniagawati di Auditorium Menara SME Bank, Kuala Lumpur.	9 April 2015	SME Bank
65	Image Excel Workshop di Premiera Hotel, Kuala Lumpur.	11 April 2015	ADAMAYA Consultancy / PENIAGAWATI
66	Perasmian Pasarnita@ TOM's Bazaar di The Boulevard Publika, Solaris Damas.	12 April 2015	JPM

<b>BIL</b>	<b>PROGRAM &amp; AKTIVITI</b>	<b>TARIKH PROGRAM</b>	<b>ANJURAN</b>
69	Sesi perbincangan mengenai penubuhan 'SME Act' di Dewan Persada, SME Corp.	15 April 2015	SME Corp
70	Mesyuarat EXCO/AJK (#8) di Rumah Peniagaawati, Kuala Lumpur.	18 April 2015	PENIAGAWATI
71	Sesi Perkongsian Maklumat & Dialog bersama-sama Presiden-presiden Persatuan Usahawan Wanita	20 April 2015	SME Corp
72	Mesyuarat "Proposed Gateway for Integration of Business Registration and Licensing" di SME Corp.	21 April 2015	SME Corp / MAMPU
73	Program Sembang Niaga – Mobile Apps & Online Shopping di Southgate Commercial Centre.	23 April 2015	WENA
74	Program BizShare di Aggerik Mall, Shah Alam.	25 April 2015	MARA
75	Kejohanan Boling Muslimah 2015 di Arl Power Bowl Alamanda Mall, Putrajaya.	26 April 2015	PPZ-MAIWP
76	"Bengkel Pembiayaan Perusahaan Kecil dan Sederhana" (PKS) di Bank Negara Malaysia.	27 April 2015	BANK NEGARA
77	"Forum For Spouses Of ASEAN Heads Of State/Government" di Kuala Lumpur Convention Centre.	27 April 2015	KPWKM
78	Majlis Perasmian ASEAN Summit ke 26 oleh Perdana Menteri Malaysia, YAB Dato' Sri Mohd Najib Tun Razak di Kuala Lumpur Convention Centre.	27 April 2015	PERDANA MENTERI
79	Program "Lead The Change: Getting Women On Boards" di Kuala Lumpur Convention Centre.	8 Mei 2015	PEMANDU

<b>BIL</b>	<b>PROGRAM &amp; AKTIVITI</b>	<b>TARIKH PROGRAM</b>	<b>ANJURAN</b>
80	KL International Hijab Festival 2015 (KLIHF) dan <i>Business Networking Trip</i> di Brunei Darussalam.	8-11 Mei 2015	PENIAGAWATI
81	Mesyuarat EXCO NCWO (#2) di Rumah NCWO.	9 Mei 2015	NCWO
82	Program "The SheConomy Summit 2015" di Grand Millennium Hotel, Kuala Lumpur.	19-20 Mei 2015	MRS Management
83	Mesyuarat EXCO/AJK (#9) di Rumah Peniagawati, Kuala Lumpur.	16 Mei 2015	PENIAGAWATI
84	Makan Malam bersama Presiden DPMM, Datuk Syed Ali Alattas sempena Mesyuarat Agung Tahunan DPMM ke-49.	23 Mei 2015	MTEM



# **Rangka Dasar Am Aktiviti PENIAGAWATI Malaysia 2013/2014**

Memastikan Rangka dasar 2012/2013 berkesinambungan bagi memenuhi objektif berikut:

- Menganjurkan latihan Keusahawanan bagi meningkatkan kemahiran dan pengetahuan dalam bidang tersebut untuk memantapkan perniagaan:-
  - i) Aspek undang-undang yang relevan bagi perniagaan
  - ii) Sistem Perakaunan yang lebih sistematik dan mudah untuk difahami
  - iii) Teknologi Informasi dan Komunikasi sebagai cabang jaringan niaga, mempromosi dan memasarkan produk secara dalam talian (on-line)
  - iv) Rancangan dan Strategi Pemasaran bagi mempromosi perkhidmatan dan produk dengan lebih efektif
  - v) Pentadbiran dan Pengurusan yang lebih efektif dan cemerlang
- Mengadakan kunjung hormat dan sesi dialog dengan agensi kerajaan dan kementerian seperti Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), SME Corporation Malaysia, MATRADE, MIDA, MPC, MARA dan lain-lain;
- Menggalakkan dan mewujudkan jaringan niaga di kalangan ahli-ahli khususnya serta usahawan-usahawan wanita amnya dengan menjalinkan usahasama di antara jabatan-jabatan kerajaan dan kementerian seperti SME Corporation Malaysia, MATRADE, MIDA, MPC, MARA, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Kepenggunaan dan Koperasi (KPDNKK), Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM);
- Mengadakan lawatan sambil belajar ke kilang-kilang dan syarikat-syarikat gergasi;
- Mengadakan sesi dialog dengan bank-bank dan institusi-institusi kewangan;
- Mengadakan kempen untuk meningkatkan bilangan keahlian di seluruh negara disamping mengumpulkan maklumat usahawan wanita;
- Memastikan kepelbagaian bidang perniagaan diceburi oleh usahawan wanita Bumiputera sesuai dengan saranan Kerajaan;
- Mengadakan dan menggalakkan ahli untuk menyertai misi dagangan bagi memberi pendedahan dan galakkan kepada ahli untuk menembusi pasaran global;
- Meningkatkan taraf usahawan wanita Bumiputera seiring pencapaian kaum-kaum yang lain dibidang keusahawanan;
- Memantapkan kedudukan kewangan persatuan;
- Mengadakan program/aktiviti kebajikan dan kemasyarakatan untuk membantu anak-anak yatim/miskin yang memerlukan;
- Mengadakan program berunsur ibadah seperti Umrah, Korban dan Haji;
- Mengadakan aktiviti sosial dan sukan di kalangan ahli untuk meningkatkan stamina dan kecerdasan;

## **Rangka Dasar Am Aktiviti PENIAGAWATI Malaysia 2013/2014**

- Menggalakkan penglibatan ahli-ahli dalam program dan aktiviti keusahawanan anjuran agensi-agensi kerajaan, kementerian serta badan-badan persatuan lain;
- Menggalakkan penglibatan ahli untuk menyertai pameran dan ekspo anjuran agensi kerajaan dan kementerian seperti MIHAS, SMIDEX, INTRADE dan lain-lain atas nama pavilion 'Peniagawati';
- Mengadakan program usahasama dengan badan-badan organisasi antarabangsa / luar negara bagi tujuan pembangunan usahawan wanita di Malaysia;
- Mengadakan aktiviti dan program keusahawanan bagi membangunkan usahawan wanita yang berdaya tahan dan berdaya saing;
- Melengkapkan usahawan wanita ke arah pencapaian komuniti berpengetahuan;
- Membuka peluang kepada usahawan wanita khususnya ahli untuk membangun, mengembang dan memantapkan perniagaan mereka;
- Membawa usahawan wanita khususnya ahli ke tahap yang mampu bersaing dan membanggakan di dalam bidang keusahawanan;